



No.22A, Jalan Nusantara 4/2A, Presint 2, Bandar Nusantara, 47310 Puchong, Selangor
Tel: +603-8063 1570 Faks: +603-8063 3570 Email: admin@usmart-resources.com.my
Pusat Usman
H-02-05, Blok H, Pusat Perdagangan Puchong Prima, Jalan Prima 5/4, Persiaran Prima Utama,
Taman Puchong Prima, 47100 Puchong, Selangor. Tel: +603-8063 2750 Faks: +603-8063 2420

Ruj. Kami: USR/ESL/ TDP/APS/2011/WP
Tarikh: 8 November 2011

Encik Azahari Bin Azmi
Penolong Pendaftar Kanan
Unit Kursus Jangka Pendek
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah

Tuan,

KURSUS "ESSENTIALS OF SERVICE LEADERSHIP", "TURNING AROUND DIFFICULT PEOPLE AND CONFLICTS INTO OPPORTUNITIES" DAN BENGKEL ADOBE PHOTOSHOP (ASAS-PERTENGAHAN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa **U Smart Resources**, syarikat milik Bumiputera sepenuhnya dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** akan menganjurkan tiga program seperti berikut:-

- i) **Kursus "Essentials of Service Leadership"** pada **29-30 November 2011** bertempat di **Hotel Singgahsana Petaling Jaya**. Objektif kursus ini adalah untuk membantu para peserta meningkatkan imej perkhidmatan pelanggan dengan berkomunikasi secara bijaksana dan profesional serta membina hubungan baik sama ada dengan pelanggan dan rakan sekerja. Kumpulan peserta yang disarankan untuk kursus ini adalah semua golongan kakitangan dari sektor awam dan swasta yang berurusan dengan pelanggan dalam atau luaran.
- ii) **Kursus "Turning Around Difficult People and Conflicts into Opportunities"** pada **12-13 Disember 2011** bertempat di **Hotel Vistana Kuala Lumpur**. Objektif kursus ini adalah untuk membantu para peserta menganalisa jenis-jenis konflik dan mempelajari teknik-teknik serta kemahiran menangani konflik di tempat kerja. Kumpulan peserta yang disarankan untuk kursus ini adalah pengurus, penyelia dan eksekutif sumber manusia dari sektor awam dan swasta.
- iii) **Bengkel Adobe Photoshop (Asas-Pertengahan)** pada **13-15 Disember 2011** bertempat di **JTC2, 1 Puchong Business Park, Puchong**. Objektif bengkel ini adalah untuk membantu para peserta memahami penggunaan perisian Photoshop dengan mempelajari kaedah, teknik serta penggunaan tools yang sesuai untuk merekabentuk imej sedia ada. Kumpulan yang disarankan untuk bengkel ini adalah individu yang sering terlibat dalam rekabentuk iklan, poster dan rekabentuk dalam animasi. Peralatan pembelajaran seperti komputer riba dengan perisian photoshop akan disediakan semasa bengkel dijalankan.

Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan sukacitanya ingin menjemput tuan mencalonkan pegawai-pegawai yang relevan dan berminat bagi menyertai program ini. Bersama-sama ini dilampirkan brosur program dan profil penceramah termasuk borang dan yuran pendaftaran untuk rujukan dan tindakan tuan. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian **03-8063 1570**, faksimili: **03-8068 3570** atau email: training@usmart-resources.com.my.

Segala pertimbangan dan perhatian daripada pihak tuan terhadap program ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
U SMART RESOURCES

AIDIR AZUDDIN BIN ADZMAN
Eksekutif Pemasaran

B. Zwi,
Mdm. Wenh. M.
Inf.

En Fami
Habedini

AZAHARI AZMI
Penolong Pendaftar Kanan
Unit Latihan
Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

14 NOV 2011